

# PPPH tubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

UB 11-4-2019 82

**KOTA KINABALU:** Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada 19 Mac lalu di peringkat PPPH yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) dan peringkat kolej kediaman dipengerusikan oleh pengetua Kolej Kediaman.

Pengarah PPPH, Talib Abdullah Shani menzahirkan bahawa penubuhan JKKP

ini merupakan satu aspek penting di dalam sesbuah organisasi bertujuan melindungi keselamatan dan kesihatan persekitaran tempat bekerja bukan sahaja kepada pekerja tetapi individu yang berada di kawasan berkenaan sepetimana yang dinyatakan dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994.

Inijuga selaras dengan fungsi strategik PPPH iaitu untuk memberikan perkhidmatan penginapan pelajar di kolej

kediaman yang kondusif, inovatif dan responsif seterusnya kearah pencapaian universiti dalam KRA-8 iaitu mempertingkatkan pengalaman holistik pelajar.

Sebagai pendedahan awal kepada pihak yang terlibat dalam JKKP di peringkat PPPH dan kolej kediaman ini beberapa aktiviti pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah ditakwimkan untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Sehubungan itu pada 25 Mac

lalu pihak PPPH menjemput Prof. Madya Dr. Shamsul Bahari Shamsudin, pengurus Sabah Occupational Safety, Health and Environment Association (SOSHEA) untuk menyampaikan ceramah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja khusus kepada kakitangan PPPH, pengetua dan felo kolej kediaman serta wakil kontraktor di kolej kediaman seterusnya pada 31 Mac diadakan kepada pelajar-pelajar di kolej kediaman UMS.